

Cemburu punca prestasi kurang baik: PM

BH 31/10/2003 - 2 PRECISE

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam menyalahkan sikap cemburu pihak yang tidak bertanggungjawab sebagai antara faktor menyebabkan pencapaian Bumiputera keseluruhannya masih tidak memuaskan.

Perdana Menteri yang mengakhiri kepemimpinan negara selama lebih 22 tahun mulai hari ini, berkata sepatutnya pencapaian Bumiputera dalam ekuiti adalah 30 peratus menjelang akhir tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada 1990 tetapi sekarang masih di tahap 18 peratus saja.

Beliau berkata, jumlah sebenar penyertaan Bumiputera dalam ekuiti kini adalah kira-kira 400 kali lebih besar berbanding pada 1970-an.

"Kaum lain juga terus berkembang, (tetapi) peratusan pertumbuhan tidak menggalakkan. Orang lain (bukan Bumiputera) juga meningkat mengikut masa,

dan kerana itu peratus pertumbuhan (Bumiputera) tidak seperti yang kita inginkan.

"Ini membimbangkan. Kecuali jika anda dapat mengimbangkan pencapaian ekonomi Bumiputera dengan bukan Bumiputera, akan ada bahaya cemburu dan ia boleh dibangkitkan oleh orang yang tidak bertanggungjawab," katanya selepas membentangkan usul mengenai kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan, di Lobi Parlimen semalam.

Ditanya sama ada kuota Bumiputera yang disediakan kerajaan satu langkah mundur, Dr Mahathir berkata, ia bukan satu langkah ke belakang kerana tanpa kuota daripada kerajaan, kontraktor Bumiputera mungkin berdepan dengan masalah.

"Kita tidak suka mereka bergantung kepada kerajaan. Tetapi kalau tidak ada kerajaan bagi kontrak... mereka tidak

ada kerja," katanya.

Dr Mahathir berkata, Bumiputera juga banyak mendapat kontrak pemerolehan kerajaan tetapi masalahnya ada yang menjualnya kepada orang lain dan tidak mahu membuat kerja.

Mengenai langkah terbaru kerajaan untuk tidak lagi bertolak ansur dengan kontraktor yang gagal menyiapkan projek dan bagaimana kerajaan mahu memastikan perkara itu, beliau berkata, kerajaan akan membuat penilaian semula.

"Kita terpaksa membuat penilaian semula, siapa (kontraktor) yang cekap kita perlu terima. Jika hendak (kontraktor) kualiti, jumlahnya adalah kecil untuk bagi semua tanpa mengambil kira mereka cekap atau tidak, kemudiannya berakhir dengan kegagalan. Itu yang berlaku," katanya.

Dr Mahathir berkata, kontraktor Bumiputera sudah meningkat dari segi

bilangan tetapi tidak dari segi kualiti.

"Orang meminta kita memberi kontrak kepada seramai orang yang boleh dan ada yang berkata kita tidak berlaku adil dengan tidak memberi kepada setiap orang. Jadi, kita beri kepada setiap orang, termasuk yang tidak berkeupayaan dan mereka merosakkan segalanya. Kini, kita terpaksa melakukannya sekali lagi, berpatah balik dan membuat penilaian mengenai siapa yang paling layak," katanya.

Beliau berkata, jika kerajaan hanya menekankan kualiti, bilangan kontrak yang dikeluarkan akan kecil.

Ditanya perasaannya ketika membentangkan usul terakhir di sidang Dewan Rakyat sebagai Perdana Menteri, Dr Mahathir berkata: "Saya berasa sedikit sedih dan juga gembira kerana ini sidang terakhir saya hadir sebagai Perdana Menteri."